

BERITA HARIAN

DATE: 03 / 09 / 2007

Lima perkara jayakan Deklarasi Makkah: PM

Negara OIC digesa lebih aktif capai matlamat program tindakan

Oleh Azman Zakaria
dan Saufi Hamzah

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam menggariskan lima perkara utama perlu dilakukan dalam memastikan kejayaan pelaksanaan Program Tindakan Deklarasi Makkah, yang diterima pakai Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) pada 2005.

Perdana Menteri yang juga Presiden OIC berkata, lima perkara itu ialah mengekalkan iltizam politik; memperbaharui fikiran dan hati; mengiktiraf kepentingan modal insan; memperuntukkan sumber; menggerakkan komuniti antarabangsa dan bekerjasama meningkatkan kebajikan ummah.

Perdana Menteri berkata, Deklarasi Makkah lahir daripada semangat politik kolektif tetapi selepas 20 bulan program tindakan 10 tahun itu, negara Islam belum dapat bergerak

secara bermakna melangkaui peringkat persediaan perancangan dan penyelarasan.

Sambil menyatakan banyak deklarasi menjadi lapuk dalam lipatan sejarah kerana ketiadaan kesungguhan dan semangat melaksanakannya lemah serta langkah susulan yang mengendur, beliau tidak mahu Deklarasi Makkah menerima nasib se-

“ Selepas 20 bulan berlalu daripada 120 bulan yang kita peruntukkan, kita belum dapat bergerak secara yang bermakna”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

perti itu.

“Selepas 20 bulan berlalu daripada 120 bulan yang kita peruntukkan, kita belum dapat bergerak secara yang bermakna yang melangkaui peringkat persediaan perancangan dan penyelarasan.

“Sudah tiba masanya negara anggota memainkan peranan lebih aktif dan terus komited untuk jangka masa panjang,” katanya ketika merasmikan Forum Antarabangsa mengenai ‘Deklarasi Makkah: Melaksanakan Agenda Ekonomi Dunia Islam,’ di sini.

Forum tiga hari itu yang berakhir hari ini dianjurkan Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis) dan disertai 85 peserta dan pemerhati.

Antaranya Pengerusi yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Isis, Datuk Seri Mohamed Jawhar Hassan, Pengerusi Media Prima Bhd, Datuk Abdul Mutalib Mohamed Razak, Pengerusi Forum Ekonomi Islam Dunia,

Tun Musa Hitam, dan Pengerusi Bernama, Datuk Mohd Annuar Zaini.

Deklarasi Makkah diterima pada mesyuarat Sesi Luar Biasa Ketiga OIC di Makkah, Arab Saudi pada Disember 2005 yang membincangkan cabaran yang dihadapi dunia Islam pada ke-21 dan berusaha menanganinya melalui wawasan strategik, dengan semangat yang diperbaharui berasaskan perpaduan.

Mengenai perlunya memulakan pembaharuan dalam fikiran dan hati, Abdullah berkata, umat Islam ketinggalan kerana gagal mengekalkan nilai dan prinsip yang mendorong pencapaian dan kegemilangan ketamadunan.

Katanya, satu daripada nilai berkenaan ialah menuntut ilmu iaitu perkara yang menjadi tuntutan Islam, bekerja sebagai satu ibadat, mengamalkan prinsip urus tadbir yang baik, keadilan, kedaulatan undang-undang serta menghormati hak orang Islam dan bukan Islam.

BH-3/9/2007